



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	17/11/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

12 ladang tidak sedia bekalan air bersih

SEREMBAN - Sebanyak 12 daripada 133 ladang swasta di Negeri Sembilan gagal menyediakan bekalan air bersih kepada pekerja masing-masing.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, setiap majikan wajib menyediakan bekalan air yang mencukupi dan sesuai untuk diminum kepada pekerja ladang yang mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kementerian Kesihatan.

"Daripada 133 ladang swasta yang didaftarkan, 116 ladang atau 87.2 peratus menyediakan bekalan air daripada pembekalan air awam manakala 17 ladang atau 12.8 peratus membekalkan air secara persendirian.

"Manakala 12 ladang pula dikesan tidak mematuhi piawaian ditetapkan terutama kandungan klorin yang dibimbangi boleh menyebabkan penyakit bawaan air seperti kolera, typhoid dan disenteri," katanya dalam di sini semalam.

Veerapan berkata, ia ter-



VEERAPAN

takluk mengikut Akta 446 Seksyen 6 (1)(a) Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Katanya, bekalan air yang disediakan pula perlu dituras dan diproses mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia.

"Saya harap pengurusan ladang swasta mengambil tindakan segera supaya kesihatan pekerja terjamin meliputi keperluan asas seperti air bersih dan selamat," katanya.